



25 Mac 2015  
25 March 2015  
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN  
(MENETAPKAN PEPERIKSAAN BAGI PENDAFTARAN  
SEMENTARA) 2015

*MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR PROVISIONAL  
REGISTRATION) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (MENETAPKAN PEPERIKSAAN BAGI  
PENDAFTARAN SEMENTARA) 2015

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Permohonan untuk menduduki peperiksaan
5. Kegagalan dalam peperiksaan
6. Calon tertakluk kepada peraturan badan pemeriksa
7. Menarik diri daripada peperiksaan
8. Penyampaian keputusan
9. Pembatalan

JADUAL

## AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (MENETAPKAN PEPERIKSAAN BAGI  
PENDAFTARAN SEMENTARA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(aa) dan seksyen 36 Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], Majlis Perubatan Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perubatan (Menetapkan Peperiksaan Bagi Pendaftaran Sementara) 2015**.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang memegang kelulusan yang disebut dalam subperenggan 12(1)(a)(ii) Akta.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“badan pemeriksa” ertinya suatu badan yang diluluskan oleh Menteri di bawah perenggan 12(1)(aa) Akta;

“peperiksaan” ertinya mana-mana peperiksaan yang ditetapkan oleh suatu badan pemeriksa.

**Permohonan untuk menduduki peperiksaan**

4. (1) Suatu permohonan bagi menduduki peperiksaan hendaklah dikemukakan kepada Majlis dalam dua salinan Borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual bersama dengan fi sebanyak seribu ringgit.

(2) Majlis hendaklah memutuskan kelayakan mana-mana calon yang memohon untuk menduduki peperiksaan itu.

(3) Jika Majlis memutuskan yang calon itu layak untuk menduduki peperiksaan itu, Majlis hendaklah merujuk calon itu kepada badan pemeriksa.

#### **Kegagalan dalam peperiksaan**

5. Jika seseorang calon gagal dalam peperiksaannya, calon tersebut hendaklah dibenarkan menduduki semula peperiksaan tidak lebih daripada tiga kali.

#### **Calon tertakluk kepada peraturan badan pemeriksa**

6. Setiap calon hendaklah tertakluk kepada apa-apa peraturan badan pemeriksa yang berhubungan dengan peperiksaan dan penguasaan apa-apa fi.

#### **Menarik diri daripada peperiksaan**

7. Jika seseorang calon menarik diri daripada menduduki peperiksaan atau tidak hadir peperiksaan, fi yang telah dibayar di bawah subperaturan 4(1) tidak boleh dibayar balik.

#### **Penyampaian keputusan**

8. Majlis boleh mengendors keputusan peperiksaan dan hendaklah menyampaikan keputusan peperiksaan itu kepada setiap calon setakat yang berkaitan dengannya.

#### **Pembatalan**

9. Peraturan-Peraturan Perubatan (Mengadakan Peperiksaan Bagi Pendaftaran Sementara) 2012 [*P.U. (A) 251/2012*] adalah dibatalkan.

JADUAL  
BORANG

Peraturan	Nama Borang
Subperaturan 4(1)	Permohonan untuk menduduki peperiksaan di bawah perenggan 12 (1)(aa) Akta Perubatan 1971

Dibuat 23 Februari 2015  
[KK(R)-654(253) Jld.7; PN(PU2)97/VIII]

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH  
*Yang Dipertua,  
Majlis Perubatan Malaysia*

Diluluskan 27 Februari 2015

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
*Menteri Kesihatan*

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR PROVISIONAL REGISTRATION)  
REGULATIONS 2015

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation
2. Application
3. Interpretation
4. Application to sit for examination
5. Failure in examination
6. Candidate subject to the regulations of examining body
7. Withdrawal from examination
8. Communication of result
9. Revocation

SCHEDULE

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR PROVISIONAL REGISTRATION)  
REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(aa) and section 36 of the Medical Act 1971 [Act 50], the Malaysian Medical Council, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Medical (Setting of Examination for Provisional Registration) Regulations 2015**.

**Application**

2. These Regulations shall apply to any person who holds a qualification referred to in subparagraph 12(1)(a)(ii) of the Act.

**Interpretation**

3. In these Regulations—

“examining body” means a body approved by the Minister under paragraph 12(1)(aa) of the Act;

“examination” means any examination set by an examining body.

**Application to sit for examination**

4. (1) An application to sit for an examination shall be submitted to the Council in two copies of Form as set out in the Schedule together with a fee of one thousand ringgit.

(2) The Council shall decide the eligibility of any candidate applying to sit for the examination.

(3) If the Council decides that the candidate is eligible to sit for the examination, the Council shall refer the candidate to an examining body.

**Failure in examination**

5. If a candidate fails in an examination, the candidate shall be allowed to resit the examination not more than three times.

**Candidate subject to the regulations of examining body**

6. Each candidate shall be subject to any regulations relating to the examination of an examining body and the imposition of any fee.

**Withdrawal from examination**

7. If a candidate withdraws from sitting for the examination or is absent from the examination, the fee paid under subregulation 4(1) shall not be refunded.

**Communication of result**

8. The Council may endorse the examination result and shall communicate to each candidate the result of the examination as far as it relates to him.

**Revocation**

9. The Medical (Setting of Examination for Provisional Registration) Regulations 2012 [*P.U. (A) 251/2012*] is revoked.

## SCHEDULE

**FORM**

Regulation	Name of Form
Subregulation 4(1)	Application to sit for the examination under paragraph 12(1)(aa) of the Medical Act 1971

Made 23 February 2015  
[KK(R)-654(253) Jld.7; PN(PU2)97/VIII]

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH  
*President,*  
*Malaysian Medical Council*

Approved 27 February 2015

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
*Minister of Health*